PROGRAM 1

Larian Lestari



1.0 PENGENALAN

Larian Lestari ialah sebuah program yang merupakan salah satu usaha untuk memupuk kesedaran dalam kalangan para pelajar, warga UTeM serta orang awam terhadap kelestarian alam sekitar. UTeM, KITARecycle dan SWM Environment bekerjasama dalam menganjurkan program ini dengan menggabungkan aktiviti sukan larian yang telah menjadi trend di Malaysia dengan topik kelestarian alam sekitar. Program ini juga dianjurkan bersempena dengan sambutan Jubli Perak UTeM 25 Tahun, yang merupakan satu pencapaian bersejarah bagi UTeM.

Penganjuran Larian Lestari bertujuan menggalakkan gaya hidup aktif dalam masyarakat, terutamanya dalam kalangan warga universiti. Program ini dapat memberikan manfaat fizikal melalui aktiviti larian seperti peningkatan stamina, kecergasan fizikal dan mental kepada peserta Larian Lestari tanpa mengira umur dan latar belakang. Dari aspek yang lain pula, program ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Selain itu, program Larian Lestari juga menerapkan konsep 5R *(Reduce, Reuse, Recycle, Refuse and Recover)* dengan harapan agar semua lapisan masyarakat dapat menerapkan nilai murni melalui konsep tersebut dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Sekiranya konsep tersebut benar-benar diamalkan oleh masyarakat setempat, amalan ini dapat memberikan manfaat dalam usaha mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan lestari.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Program **Larian Lestari** telah diadakan pada **29 November 2025** dan bertempat di **Stadium UTeM**. Program ini melibatkan penglibatan aktif para pelajar, pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI)**, **SWM Environment** dan **KITARecycle**.

Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat setempat, terutamanya warga UTeM tentang kepentingan penjagaan alam sekitar dan pengamalan gaya hidup yang lebih lestari. Bagi menjadikan program ini lebih menarik serta meningkatkan semangat peserta, sebanyak 150 pingat telah disediakan, iaitu 75 pingat bagi pelari lelaki dan 75 pingat bagi pelari wanita yang berjaya mencapai garisan penamat terlebih dahulu.

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

Jadual aktiviti adalah seperti berikut:

- **7.30 pagi:** Program bermula, penyerta dilepaskan daripada Stadium UTeM untuk mulakan pelarian
- **11.30 pagi:** Program tamat di Stadium UTeM

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program Larian Lestari membuka minda masyarakat bahawa usaha memelihara alam sekitar juga boleh diterapkan melalui aktiviti sukan dan bukan hanya melalui satu pendekatan. Kelestarian bukan hanya berkaitan dengan pengurusan sisa atau pemuliharaan alam sekitar tetapi gaya hidup yang sihat dan bertanggungjawab juga memainkan peranan dalam menjaga kelestarian. Secara tidak langsung, kolaborasi antara pihak UTeM, SWM Environment dan KITARecycle menegaskan kepentingan kerjasama antara institusi pendidikan dengan pihak luar bagi menyebarkan kesedaran mengenai kelestarian.

Kesimpulannya, program ini merupakan satu bentuk pendedahan positif yang mengaitkan kelestarian alam sekitar dengan masyarakat melalui aktiviti yang sedang mendapat sambutan. Program seperti ini wajar diteruskan pada masa akan datang bagi mendidik masyarakat tentang gaya hidup sihat serta meningkatkan lagi rasa tanggungjawab **bersama** dalam menjaga kelestarian alam sekitar.

4.0 RUJUKAN

https://www.facebook.com/censeiutem/photos/warga-universiti-teknikal-malaysia-melaka-utem-jom-sertai-larian-lestari-kitarec/1226217636197981/?utm_source=chatgpt.com

Diakses pada 23 ogos 2026

PROGRAM 2

Pertandingan Sudut "Go Green"



1.0 PENGENALAN

Pertandingan Sudut *"Go Green"* ialah satu inisiatif yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan penglibatan para pelajar universiti dalam amalan kelestarian alam sekitar. Program ini secara dasarnya mencabar kreativiti pelajar dalam menggunakan barangan kitar semula dan bahan terpakai untuk menghasilkan sudut bertemakan alam sekitar, selaras dengan konsep yang digunakan iaitu *"Go Green: Clean Up, Rise Up!"*. Secara langsung, program ini dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penggunaan semula bahan kepada peserta mahupun pelajar lain, dan juga menceriakan lagi kawasan kolej kediaman.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Pertandingan Sudut *"Go Green"* telah diadakan dari **21 hingga 24 April 2025** dan bertempat di **Kolej Kediaman Satria Lekiu**. Program ini melibatkan penglibatan aktif para pelajar dan pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI).**

Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran para pelajar tentang kepentingan penggunaan semula bahan. Bagi menjadikan program ini lebih menarik serta meningkatkan semangat peserta, sebuah *"Prize Pool"* yang berjumlah RM300 telah disediakan kepada peserta sebagai ganjaran utama dan Tuah Indeks sebagai penghargaan atas penyertaan dalam program tersebut. Setiap sudut hendaklah menarik dan hanya dibuat menggunakan bahan kitar semula sahaja. Penilaian terhadap sudut yang dihasilkan akan diberikan berdasarkan aspek kreativiti, inovasi, informasi dan kegunaan. Markah terhadap setiap sudut akan diberikan berdasarkan kriteria tersebut, lalu pemenang pertandingan akan ditetapkan.

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

Jadual aktiviti adalah seperti berikut:

- **5.30 petang:** Penilaian terhadap sudut yang dihasilkan bermula
- **7.00 malam:** Penilaian tamat dan ganjaran diberikan kepada pemenang pertandingan.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Pertandingan Sudut *"Go Green"* membantu menyedarkan para pelajar bahawa barangan terpakai masih mempunyai nilai dan boleh dimanfaatkan semula melalui kreativiti masing-masing. Walaupun program ini nampak mudah, impak yang mendalam seperti peningkatan kesedaran pelajar tentang kelestarian alam sekitar dapat diterapkan dalam

persekitaran kolej. Bukan itu sahaja, aktiviti ini juga dapat memupuk nilai kerjasama, kreativiti dan inovasi dalam diri pelajar, terutamanya dalam kalangan peserta.

Secara keseluruhannya, program ini dapat mendidik para pelajar untuk berfikir secara kreatif dalam mengaplikasikan konsep kelestarian alam sekitar. Bagi mengelakkan usaha ini menjadi sia-sia, pelajar juga perlu mengubah sikap terhadap pembaziran dan melibatkan diri secara aktif dalam mengamalkan aktiviti kitar semula.

4.0 RUJUKAN

https://www.facebook.com/censeiutem/posts/utem-bersama-menyambut-hari-bumi-2025hari-bumi-atau-earth-day-disambut-setiap-ta/1059017196251360/?utm_source=chatgpt.com

Diakses pada 23 Ogos 2026

PROGRAM 3

UTeM Clean Up Day 2025



1.0 PENGENALAN

Clean Up Day merujuk kepada aktiviti gotong-royong yang dilakukan secara besar-besaran dan melibatkan pelbagai pihak dalam sesebuah komuniti. Aktiviti ini dilaksanakan sebagai satu usaha untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan mengumpulkan barangan yang boleh dikitar semula. Barangan tersebut boleh diperoleh daripada hasil pembersihan sesuatu kawasan.

Seterusnya, aktiviti ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada sesebuah masyarakat tentang kepentingan pengumpulan barangan kitar semula serta kepentingan menjaga alam sekitar. Ramai orang yang membuang sampah tidak mengasingkan barangan mengikut kategori barangan tersebut seperti kertas, kaca dan plastik. Barangan yang bercampur dengan sisa organik serta barangan lain sukar untuk dikitar semula. Oleh itu, barangan tersebut dapat dihantar ke pusat kitar semula melalui aktiviti yang dilaksanakan ini.

Selain itu, terdapat pelbagai manfaat yang dapat diperoleh melalui aktiviti pengumpulan ini. Sebagai contoh, setiap warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dapat memainkan peranan serta berganding bahu dalam usaha untuk membantu melestarikan alam sekitar di kawasan UTeM. Aktiviti ini akan memberikan iktibar kepada setiap individu yang terlibat untuk menjadi lebih berhati-hati apabila membuang sampah.

Oleh itu, diharapkan aktiviti *Clean Up Day* ini dapat dilaksanakan dengan lebih kerap pada masa akan datang dengan sambutan yang lebih meriah daripada semua warga UTeM. Hal ini kerana aktiviti ini telah menunjukkan kesan positif kepada alam sekitar. Buktinya dapat dilihat melalui peningkatan kesedaran dalam kalangan pelajar serta minat untuk mengasingkan barangan mengikut jenis bagi memudahkan proses kitar semula.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

2.1 Pengenalan Pelaksanaan projek

Pelaksanaan program **UTeM CLEAN UP DAY 2025** telah diadakan pada **27 Ogos 2025** dan bertempat di **PTj (Pusat Tanggungjawab) masing-masing**. Program ini melibatkan penglibatan aktif para pelajar serta pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI).**

Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran para pelajar kampus tentang kepentingan pengumpulan barangan kitar semula serta kepentingan mengurus sisa buangan dengan cara yang lebih baik. Melalui projek ini, para peserta yang menyertai akan dapat belajar tentang pentingnya usaha kitar semula, serta mendapat pengalaman dalam pengasingan barangan yang boleh dikitar semula.

2.2 Jadual PelaksanaanProgram

Jadual aktiviti adalah seperti berikut:

2.00 petang: Setiap peserta mula mengumpulkan barangan yang boleh dikitar semula seperti minyak masak terpakai, kertas, botol plastik serta pakaian terpakai.

5.00 petang: Program tamat.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Projek yang dijalankan ini merupakan aktiviti pengumpulan barangan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan para pelajar dan komuniti tentang kepentingan pengasingan barangan kitar semula daripada sisa buangan yang lain. Selain itu, para pelajar turut dapat membersihkan kawasan dan memanfaatkan barangan terbuang yang boleh dikitar semula.

Melalui program yang telah dilaksanakan ini, para peserta yang menyertai dapat mempelajari pelbagai kemahiran seperti pengasingan barangan mengikut jenis, kepentingan mengitar semula serta kerjasama dalam melaksanakan aktiviti.

4.0 RUJUKAN

https://censei.utem.edu.my/ms/component/sppagebuilder/?view=page&id=281
Diakses pada 13 Ogos 2026

PROGRAM 4

Bawa Eco Beg: Lestarikan Gaya Hidup Anda



1.0 PENGENALAN

Eco beg atau juga dikenali sebagai beg mesra alam merujuk kepada beg-beg yang bukan diperbuat daripada plastik dan boleh diguna pakai lebih daripada sekali. Beg ini biasanya diperbuat daripada kain dan mudah didapati di mana-mana kedai. Kini, setiap pusat membeli-belah telah menjual *eco* beg bagi menggalakkan para pembeli mengelakkan penggunaan beg plastik.

Penggunaan *eco* beg bukanlah konsep yang baharu, malahan idea tersebut telah wujud sejak beratus-ratus tahun dahulu. Banyak tamadun dahulu seperti orang Mesir serta orang Yunani telah menggunakan bakul anyaman yang diperbuat daripada bahan-bahan semula jadi seperti rumput dan kulit binatang untuk membawa makanan serta barangan lain.

Permintaan untuk mendorong penggunaan *eco* beg adalah kerana beg plastik yang kerap digunakan oleh para pembeli tidak dilupuskan dengan baik. Malah, beg-beg plastik tersebut bukan bahan yang mudah terbiodegradasi dan akan mencemarkan alam sekitar kerana mengambil masa yang lama untuk mereput. Kewujudan plastik yang banyak di kawasan seperti laut akan menganggu hidupan dan tumbuhan akuatik. Penggunaan *eco* beg dapat membantu mengurangkan isu kritikal kesan penggunaan beg plastik terhadap alam sekitar.

Selain itu, penggunaan beg plastik yang banyak turut menjejaskan pemandangan kawasan-kawasan awam lalu menjejaskan imej negara. Penggalakan penggunaan *eco* beg juga dapat mengurangkan kos perbelanjaan peniaga untuk membeli beg plastik.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna dan menggalakkan budaya guna semula *eco* beg agar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjadi kampus bebas plastik. Oleh itu, diharapkan agar pelaksanaan program ini dapat memberikan impak yang diingini serta meningkatkan kesedaran tentang kelebihan menggunakan *eco* beg dalam kalangan para pelajar di UTeM.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Pelaksanaan program telah diadakan **sepanjang tempoh 2025**. Program **Bawa Eco Beg: Lestarikan Gaya Hidup Anda** melibatkan pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar**

(CENSEI) dan **Koperasi UTeM** serta para pelajar UTeM.

Projek ini dilaksanakan bagi mengurangkan penggunaan beg plastik di kampus UTeM. Hal ini betujuan untuk mengurangkan pencemaran alam yang berlaku akibat penggunaan beg plastik sekali guna yang tinggi dalam kalangan pembeli serta penjual barangan. Program ini menggalakkan warga UTeM untuk menyumbang *eco* beg seperti beg tenunan (*woven*), beg kertas dan beg kanvas yang bersih serta masih sesuai digunakan di Koperasi UTeM pada ruang khas yang disediakan di luar koperasi.

Melalui kerjasama CENSEI dan Koperasi UTeM, sumbangan *eco* beg yang diterima daripada warga universiti akan ditempatkan di luar Koperasi. Selain itu, Koperasi tidak lagi menyediakan beg plastik dan pelanggan perlu menggunakan *eco* beg yang tersedia.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Program yang dijalankan ini merupakan inisiatif daripada CENSEI dan Koperasi UTeM dalam usaha untuk menggalakkan penggunaan *eco* beg di kampus UTeM. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran warga UTeM tentang keburukan kebergantungan kepada beg plastik sekali guna apabila membeli barangan dalam kehidupan harian.

Melalui projek ini, penggunaan beg plastik dapat dikurangkan sekali gus memberikan impak positif terhadap alam sekitar dan persekitaran di UTeM.

4.0 RUJUKAN

https://censei.utem.edu.my/ms/component/sppagebuilder/?view=page&id=281

Diakses pada 13 Ogos 2026

https://www.mixedbagdesigns.com/the-history-of-the-eco-bag-a-journey-through-time/
Diakses pada 23 Ogos 2026

https://ppf.utem.edu.my/ms/berita/249-dokumen-sistem-pengurusan-kualiti-iso-9001-2015.html

Diakses pada 20 Ogos 2026

PROGRAM 5

Pelancaran Inisiatif Kampus Hijau UTeM 2025



1.0 PENGENALAN

Aktiviti penanaman pokok secara besar-besaran biasanya dianjurkan oleh sesebuah pihak untuk meningkatkan kualiti flora dan fauna di sesuatu kawasan. Hal ini kerana penanaman pokok akan memberikan banyak manfaat kepada sesuatu kawasan tersebut, iaitu memberikan tempat berteduh ketika cuaca panas, meningkatkan kadar oksigen di udara serta mewujudkan suasana yang lebih nyaman.

Seterusnya, penanaman pokok secara besar-besaran merupakan inisiatif untuk mengatasi aktiviti pembalakan yang tidak terkawal. Aktiviti pembalakan tersebut telah memberikan impak negatif yang signifikan terhadap alam sekitar seperti kemusnahan habitat, ekosistem dan biodiversiti serta menyumbang kepada perubahan iklim dan pemanasan global.

Majlis khas ini telah dilaksanakan sempena Pelancaran *Blueprint* Pelan Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Pintar Lestari 2035. Pelaksanaan pelan ini adalah selaras dengan keperluan mendesak untuk menangani isu-isu alam sekitar dan menyokong usaha nasional dan global ke arah pembangunan mampan. Bukan itu sahaja, pelan ini juga disokong oleh keperluan untuk menjadikan UTeM sebagai kampus karbon rendah melalui integrasi sistem pintar dalam pengurusan infrastruktur, tenaga dan perubahan iklim, air, sisa dan buangan, pengangkutan dan pendidikan.

Antara objektif pelan induk tersebut merangkumi pembinaan rangka strategik kelestarian kampus, menjelaskan komitmen UTeM terhadap dasar nasional dan global, menetapkan sasaran dan penunjuk kejayaan serta menggalakkan kesedaran dan penglibatan komuniti kampus.

Selain itu, program ini juga dilaksanakan bagi memperkasa UTeM sebagai kampus hijau, rendah karbon serta kaya dengan biodiversiti. Konsep kampus hijau bertujuan menyokong gaya hidup lestari dan sihat dalam kalangan warga kampus serta pihak yang terlibat seperti para pelajar dan komuniti sekeliling. Usaha menjadikan UTeM sebagai universiti yang rendah karbon amat penting kerana penggunaan tenaga secara berlebihan dan pelepasan karbon dengan kadar yang tinggi boleh mengakibatkan perubahan iklim melalui perubahan komposisi atmosfera akibat aktiviti manusia. Usaha penanaman pokok secara

besar-besaran juga boleh meningkatkan biodiversiti flora UTeM dan keindahan alam sekitar.

Dengan pelaksanaan program ini, warga UTeM dapat bekerjasama dan menyumbang tenaga dalam mencapai matlamat UTeM. Pelajar-pelajar turut dapat mempelajari kebaikan serta kepentingan aktiviti penanaman pokok secara berskala besar dan kepentingan mengurangkan jejak karbon. Oleh itu, diharapkan program ini dapat menambah ilmu dan memberikan kesan yang baik terhadap alam sekitar. Semoga pihak UTeM dapat meneruskan usaha-usaha kelestarian mereka pada masa hadapan.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Pelaksanaan Program Inisiatif Kampus Hijau UTeM 2025 telah dilaksanakan pada **29 November 2025** selaras dengan ulang tahun UTeM ke-25. Program ini dilaksanakan di Tasik Terbilang dan melibatkan pihak-pihak seperti **Pusat Alam Sekitar (CENSEI)** dan **Pejabat Pengurusan Fasiliti.** Turut hadir ialah **Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam**, **Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Binti Kamalrudin** dan **Team F1 UTeM.**

Majlis Pelancaran Inisiatif Kampus Hijau & Penanaman 2,500 Pokok ini merupakan simbol permulaan pelaksanaan *blueprint* kelestarian universiti, dengan aktiviti penanaman simbolik 2,500 pokok dan pelepasan 25 ekor burung. Tujuan upacara penanaman simbolik tersebut diadakan adalah untuk menzahirkan komitmen UTeM dalam memperkasakan persekitaran hijau selaras dengan aspirasi UTeM Pintar Lestari 2035. Sebagai tanda

pemuliharaan biodiversiti flora dan fauna kampus, 25 ekor burung telah dilepaskan sebagai lambang keseimbangan ekosistem, kelestarian alam, dan keharmonian habitat kampus rendah karbon. Program ini mencerminkan usaha menyeluruh UTeM untuk membina ekosistem hijau yang baik dalam jangka masa panjang, selaras dengan agenda nasional dan global dalam bidang kelestarian.

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

Jadual aktiviti adalah seperti berikut:

- **Minggu Hijau:** Sebanyak 2,475 pokok telah ditanam.
- **29 November 2025:** Program bermula pada jam 8.30 pagi. Sebanyak 25 pokok terakhir telah ditanam dan pelepasan 25 ekor burung telah disempurnakan oleh TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Binti Kamalrudin dan Team F1 UTeM**.**

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Inisiatif Kampus Hijau UTeM ini dilancarkan sebagai satu majlis khas sempena Pelancaran *Blueprint* Pelan Induk UTeM Pintar Lestari 2035, selaras dengan ulang tahun universiti ini yang ke-25. Aktiviti penanaman 2,500 pokok yang telah dilakukan mencerminkan usaha UTeM dalam menuju ke arah kampus hijau dan ekosistem yang seimbang.

Dengan pelancaran pelan serta pelaksanaan majlis khas ini, semoga semua warga UTeM dapat memartabatkan kehidupan yang lestari berpandukan *Sustainable Development Goals* serta enam objektif yang telah ditetapkan oleh pelan tersebut.

4.0 RUJUKAN

https://www.facebook.com/censeiutem/posts/pfbid02ewkZ4f4KRn8cvQkDLJATPztmsT89ciELC4ojzFuGhvMpCvLQedpqSRHEJKrEA6Afl Diakses pada 20 Ogos 2026

https://www.scribd.com/document/392561211/Kesan-Pembalakkan-Haram Diakses pada 23 Ogos 2026

https://www.greencampusproject.eu/ Diakses pada 23 Ogos 2026

https://sustainability.utem.edu.my/doc/polisi/Buku_Blueprint_UTeM_A4.pdf Diakses pada 23 Ogos 2026

PROGRAM 6

Program"Forum Innovate.Collaborate And Regenerate"



1.0 PENGENALAN

Forum ini merupakan kolaborasi antara Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI) dan *Taiwan Buddhist Tzu-Chi Foundation Malaysia Innovate* serta *Waste Management Association of Malaysia* (WMAM). Forum ini dikenali sebagai *Collaborate And Regenerate: Driving Zero*

Waste Through Circular Economy 2025. Forum ini dianjurkan bersempena sambutan Hari Sisa Sifar Antarabangsa 2025.

Hari Sisa Sifar Antarabangsa ini disambut pada 30 Mac pada setiap tahun. Sambutan ini dianjurkan oleh *The United Nations Environment Programme* (UNEP) dan *The United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat) yang bertujuan untuk mengurangkan sisa dan menggalakkan peralihan ke arah pengeluaran dan penggunaan yang mampan.

Forum ini bertujuan untuk mengumpulkan pemegang taruh termasuk perusahaan swasta, syarikat kitar semula, agensi kerajaan, majlis bandar raya, masyarakat sivil dan pemimpin belia untuk mempercepatkan peralihan Malaysia kepada ekonomi kitaran berasaskan sisa kitar semula serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan para pelajar dan kakitangan di UTeM.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Pelaksanaan program Forum *Innovate Collaborate And Regenerate* ini telah diadakan pada **14 Mei 2025** yang bertempat di **Dewan Kuliah 2 ,Kompleks Kuliah.** Program ini melibatkan pelajar UTeM serta pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI).**

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

Aktiviti yang diadakan pada forum ini ialah:

- **2.00 petang -** Sesi Forum, Sesi Bengkel kesedaran ekonomi kitaran dan pameran produk ekonomi kitaran daripada sisa kitar semula oleh beberapa syarikat di Malaysia
- **5.30 petang –** Program tamat

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar melalui pendedahan secara langsung daripada pihak industri tentang cara pengurusan sisa dalam industri dan menggiatkan lagi usaha pemindahan ilmu dan kerjasama erat antara UTeM dengan pihak industri.

Secara keseluruhannya, program ini memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang kepentingan pengurusan sisa dalam industri serta menggalakkan kerjasama antara institusi pendidikan dengan pihak industri dalam usaha menyokong kelestarian alam sekitar.

4.0 RUJUKAN

Pusat Alam Sekitar Pintar. (2025, May 20). *Collaborate and regenerate: Driving zero waste through circular economy* 2025 [Facebook post]. Facebook. https://www.facebook.com/share/1GhXNBZpVx/

PROGRAM 7

Program "Let's Plog On!"



1.0 PENGENALAN

Program "*Let's Plog On!"* merupakan satu program berbentuk aktiviti kesukarelawanan dan kesedaran alam sekitar yang menggabungkan aktiviti fizikal dengan usaha menjaga kebersihan persekitaran. Peserta bukan sahaja dapat melakukan aktiviti riadah, malah turut memainkan peranan secara langsung dalam memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih, selamat dan terpelihara.

Pelaksanaan program ini juga mempunyai kaitan rapat dengan usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar. Masalah pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab boleh memberikan kesan negatif terhadap keindahan sesuatu kawasan serta menjejaskan kualiti alam sekitar. Sampah yang dibuang di kawasan terbuka, laluan pejalan kaki atau berhampiran sumber air bukan sahaja mencacatkan pemandangan malah berpotensi menyebabkan pencemaran, mengganggu kehidupan flora dan fauna serta menjejaskan keselesaan orang ramai.

Program ini turut memainkan peranan dalam membina kesedaran dalam kalangan warga universiti bahawa persekitaran kampus yang bersih dan lestari memerlukan penglibatan aktif daripada semua pihak. UTeM bukan sahaja berperanan dalam memberikan pendidikan akademik, malah turut mempunyai tanggungjawab dalam membentuk masyarakat yang mempunyai kesedaran terhadap isu sosial dan alam sekitar. Penglibatan pelajar dan warga universiti dalam aktiviti seperti ini dapat memberikan pengalaman pembelajaran secara langsung serta membuka ruang kepada peserta untuk memahami kepentingan kelestarian alam sekitar melalui aktiviti praktikal.

Secara keseluruhannya, program ini merupakan sebuah program yang mempunyai pelbagai manfaat dari aspek alam sekitar dan kesihatan fizikal. Program ini bukan sekadar aktiviti mengutip sampah tetapi merupakan satu usaha untuk menggalakkan perubahan sikap dan membentuk budaya hidup yang lebih sihat serta bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Melalui penglibatan aktif para peserta di kawasan Tasik Cemerlang, program ini diharapkan dapat meningkatkan tahap kebersihan kawasan sekitar UTeM, di samping menyemai kesedaran bahawa setiap individu mempunyai peranan penting dalam menjaga alam sekitar.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

Program ini telah diadakan pada **23 April 2025** bertempat di **Tasik Cemerlang, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**, dari **jam 5.30 petang hingga 6.30 petang**.

Pemilihan kawasan Tasik Cemerlang sebagai lokasi program kerana kawasan tersebut merupakan salah satu kawasan persekitaran kampus yang sering digunakan oleh warga universiti untuk aktiviti beriadah, bersantai dan menjalankan pelbagai aktiviti. Oleh itu, aspek kebersihan dan kelestarian kawasan tersebut perlu diberi perhatian secara berterusan supaya dapat memberikan suasana yang selesa kepada warga universiti serta memastikan ekosistem di sekitar tasik sentiasa terpelihara.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program *"Let's Plog On!"* memberikan pengalaman kepada peserta untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat. Aktiviti berjoging dapat membantu meningkatkan kecergasan fizikal, manakala aktiviti mengutip sampah pula memberikan manfaat kepada alam sekitar. Gabungan kedua-dua aktiviti ini menjadikan program lebih menarik kerana peserta

bukan sahaja melakukan aktiviti riadah tetapi turut melakukan sesuatu yang memberi manfaat kepada komuniti dan persekitaran serta dapat memupuk nilai kerjasama, disiplin dan tanggungjawab dalam kalangan peserta.

PROGAM 8

Program Go Green Activity SAF-19: Plogging Together



1.0 PENGENALAN

Program *Go Green Activity SAF-19: Plogging Together* merupakan salah satu program yang berkonsepkan kelestarian alam sekitar dan penglibatan komuniti dalam usaha mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, sihat dan kondusif. Pelaksanaan program seperti ini amat penting dalam membentuk kesedaran dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat tentang tanggungjawab bersama untuk menjaga kebersihan serta kelestarian alam sekitar.

Selain memberi manfaat kepada alam sekitar, program ini turut memberikan manfaat dari aspek kesihatan fizikal dan mental peserta. Aktiviti berjalan atau berjoging dapat

membantu meningkatkan kecergasan tubuh badan, manakala aktiviti mengutip sampah pula memerlukan peserta bergerak secara aktif sepanjang laluan. Pada masa yang sama, aktiviti luar bersama rakan-rakan dapat menggalakkan interaksi sosial dan mengurangkan tekanan yang mungkin dialami oleh mahasiswa akibat tuntutan akademik. Dengan itu, program ini bukan sahaja bertemakan kebersihan tetapi turut menyumbang kepada pembentukan gaya hidup yang lebih sihat dan seimbang.

Semangat kerjasama merupakan salah satu elemen utama yang dapat diterapkan melalui program ini. Aktiviti membersihkan kawasan secara berkumpulan memerlukan peserta saling membantu dan bekerjasama bagi memastikan tugasan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kerjasama antara peserta juga dapat mewujudkan hubungan yang lebih baik serta menggalakkan semangat kekitaan dalam kalangan warga universiti dan komuniti.

Secara keseluruhannya, *Go Green Activity SAF-19: Plogging Together* merupakan satu inisiatif yang mempunyai nilai dan manfaat yang besar kerana menggabungkan aktiviti kecergasan, kebersihan alam sekitar dan penglibatan komuniti. Program yang bertemakan "Dari Kampus ke Komuniti Hijau" ini dapat menjadi salah satu usaha dalam melahirkan individu yang bukan sahaja mementingkan kecemerlangan akademik tetapi turut mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab sosial dan alam sekitar. Melalui penyertaan dalam aktiviti sebegini, peserta dapat memainkan peranan secara langsung dalam mewujudkan kawasan yang lebih bersih, sihat dan selesa. Diharapkan program ini dapat memberikan pengalaman yang bermakna kepada semua peserta.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

Program **Go Green Activity SAF-19: Plogging Together** dilaksanakan **dalam dua fasa**, iaitu Fasa 1 pada **8 November hingga 9 November 2025** dan Fasa 2 pada **15 November hingga 16 November 2025**. Aktiviti ini dijalankan pada waktu 5.00 petang hingga 6.30 petang dan bertempat di **sekitar kawasan Kompleks Sukan**.

Pemilihan kawasan tersebut sebagai lokasi aktiviti adalah bersesuaian kerana kawasan yang sering digunakan oleh warga kampus dan komuniti memerlukan persekitaran yang bersih, selamat dan selesa. Pelaksanaan aktiviti secara berkala juga dapat membantu memastikan kebersihan kawasan dapat dikekalkan secara berterusan.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program *Go Green Activity SAF-19: Plogging Together* dapat memupuk nilai kerjasama, tanggungjawab, disiplin dan semangat kemasyarakatan dalam kalangan peserta. Aktiviti pembersihan yang dilakukan secara berkumpulan memerlukan setiap peserta memainkan peranan masing-masing. Kerjasama yang baik membolehkan kawasan yang ditetapkan dibersihkan dengan lebih teratur dan berkesan. Pada masa yang sama, peserta dapat memahami bahawa usaha menjaga alam sekitar memerlukan penglibatan semua pihak, termasuk komuniti setempat dan warga universiti.

PROGRAM 9

PROGRAM TRASH TO CASH



1.0 PENGENALAN

Program "Trash to Cash" merupakan inisiatif tahunan anjuran Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI) yang dirangka khas untuk membudayakan amalan pengasingan sisa dan kitar semula dalam kalangan warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Program ini menyokong agenda "Amalan Hijau Memperkasa Agenda UTeM Lestari" dengan matlamat mengurangkan pembuangan sisa ke tapak pelupusan dan memberikan nilai ekonomi kepada bahan buangan.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

Projek ini telah dijalankan pada 5 Februari 2025, bermula jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari bertempat di kawasan tempat letak kereta Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM. Sepanjang program berlangsung, para pelajar dan kakitangan universiti membawa pelbagai

jenis barangan kitar semula seperti minyak masak terpakai, barangan 3R (plastik, kertas, aluminium), sisa elektronik (*e-waste*), serta fabrik terpakai seperti pakaian dan kasut untuk ditimbang dan ditukar kepada wang tunai mengikut kadar berat sisa.

Bagi pengurusan sisa gelas pula, pihak penganjur bekerjasama dengan SWM Environment Sdn Bhd untuk menguruskan kutipan dengan menawarkan mata ganjaran melalui sistem aplikasi KITARecycle.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Pelaksanaan program ini berjaya menunjukkan keprihatinan warga universiti terhadap kebersihan persekitaran kampus. Pemberian insentif tambahan seperti anak pokok hiasan dan "*goodies*" makanan kepada 50 peserta terawal telah meningkatkan motivasi komuniti untuk terlibat aktif.

Selain itu, jualan baja kompos hasil inovasi penduduk Kampung Pantai Siring dalam program ini membuktikan keberkesanan integrasi antara universiti dan komuniti setempat dalam menjayakan kelestarian alam

4.0 RUJUKAN

https://www.facebook.com/100064292696145/posts/pfbid02sFDtfdJMpv58LsNFkZ46r56Foqnh9ZLTcCQGNyYs8fAdRMsWggajxSbDe18113Zil/

PROGRAM 25

KEMPEN KUMPUL MINYAK MASAK TERPAKAI



1.0 PENGENALAN

"Kempen Kumpul Minyak Masak Terpakai" adalah satu lagi program tahunan strategik CENSEI untuk menangani isu pembuangan sisa cecair secara tidak teratur. Fokus utama projek ini adalah untuk mengajak warga UTeM melupuskan minyak masak terpakai melalui saluran yang betul bagi mengelakkan pencemaran sistem perparitan dan alam sekitar.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

Kempen ini telah berjalan dalam tempoh yang agak panjang, iaitu dari 4 hingga 21 Julai 2025, bertempat di Ruang Legar CENSEI. Warga kampus, termasuk pelajar yang tinggal di dalam kolej kediaman serta kakitangan universiti, digalakkan membawa sisa minyak masak terpakai masing-masing sepanjang waktu pejabat, bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

Sisa minyak masak yang dikumpul kemudiannya disalurkan kepada pihak industri pengurusan sisa untuk diproses semula menjadi biodiesel, sekali gus mengelakkan sisa cecair ini daripada dibuang ke dalam singki atau sistem saliran kampus.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Projek ini mencerminkan komitmen berterusan universiti dalam menjayakan agenda "Malaysia Madani" melalui amalan hidup hijau. Kerjasama dan keprihatinan yang ditunjukkan oleh warga UTeM membuktikan bahawa kesedaran mengenai pengurusan sisa khusus seperti minyak masak semakin meningkat, seterusnya membantu melonjakkan imej universiti sebagai kampus pintar lestari yang kompeten.

4.0 RUJUKAN

https://www.facebook.com/100064292696145/posts/pfbid02HG6ARg67gdeBQTQmUbG8ks9HbMvGxaAnyXxab3jHBQXmzSJrtcfm5iTBh4DDnanel/

PROGRAM 11

Plogging Fun Hike



1.0 PENGENALAN

Plogging Fun Hike merupakan satu aktiviti mendaki sambil mengutip sampah. Program ini dapat menggabungkan aktiviti fizikal yang baik untuk kesihatan badan dengan aktiviti kelestarian alam sekali gus. Program ini juga merupakan satu bentuk hubungan program dengan SDG 12: *Responsible Consumption and Production* dalam meningkat kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan kawasan rekreasi.

Program ini dianjurkan untuk Meningkatkan kesedaran peserta iaitu Pelajar, Staf dan Komuniti UTeM terhadap kepentingan menjaga alam sekitar. Selain itu, program ini akan

menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti seperti mendaki dan berjoging. Program ini juga bertujuan untuk mengurangkan jumlah sampah di kawasan Bukit Satria, UTeM. Seterusnya, ia akan membantu memupuk sikap bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar dalam kalangan peserta. Akhir sekali, ia akan menggalakkan amalan penggunaan dan pengurusan sisa yang lebih bertanggungjawab.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Program ini bermula dengan para peserta berkumpul di Jalan Kolej Satria pada pukul 5.00 petang. Setelah selesai peserta akan menerima taklimat tentang keselamatan dan tatacara aktiviti. Selesai taklimat, aktiviti *plogging* (mengutip sampah sepanjang haluan) dimulakan. Setelah hampir masa aktiviti tamat sampah yang dikutip akan dikumpulkan di lokasi yang telah ditetapkan. Program tamat sekitar jam 7.00 petang.

Program ini akan membantu mengawal kebersihan di kawasan Bukit UTeM. Selain itu, program ini akan membantu peserta untuk melakukan aktiviti senaman fizikal dengan lebih bermanfaat. Program ini juga akan mendidik peserta untuk menjadi lebih peka terhadap isu pencemaran dan pengurusan sisa. Akhir sekali, program ini dapat menggalakkan komuniti UTeM untuk mengamalkan gaya yang hidup sihat dan mesra alam.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Kesimpulannya, program ini dapat meningkatkan tahap kebersihan di kawasan UTeM serta menjaga kesihatan peserta. Selain itu, ia akan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pengamalan gaya hidup sihat dalam komuniti UTeM. Justeru, ia teramat penting untuk menjalankan program ini lagi pada masa akan datang agar Pelajar/Staf UTeM dapat dipupuk tentang menjaga alam sekitar dan kesihatan diri.

4.0 RUJUKAN

https://www.facebook.com/photo.php?fbid=989146223238458&set=pb.100064292696145.-2207520000&type=3